

UM.TNC1/241/16

3 September 2021

Pengarah, Akademi Pengajian Islam
Pengarah, Akademi Pengajian Melayu
Dekan, Fakulti Alam Bina
Dekan, Fakulti Bahasa dan Linguistik
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pendidikan
Dekan, Fakulti Pergigian
Dekan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
Dekan, Fakulti Perubatan
Dekan, Fakulti Farmasi
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Dekan, Fakulti Undang-Undang
Dekan, Institut Pengajian Termaju
Dekan, Fakulti Seni Kreatif
Pengarah, Pusat Sukan dan Sains Eksesais
Pengarah, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya
Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA)
Pengarah, Institut Asia Eropah (AEI)
Pengarah, Pusat Latihan *Intern* dan Pengayaan Akademik (CITrA)
Pengarah, Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Ketua Pustakawan

Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN PERISIAN *RESPONDUS PROCTORING TOOL* SEMASA PEPERIKSAAN
AKHIR DALAM TALIAN MULAI SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2021/2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaya telah melanggani perisian ***Respondus Proctoring Tool*** yang terdiri daripada dua komponen iaitu Respondus Monitor dan LockDown Browser bagi meningkatkan integriti semasa mengendalikan peperiksaan akhir secara dalam talian. Ini adalah selari dengan *Online Teaching & Learning Handbook* versi terbaru yang bakal dikeluarkan dalam masa terdekat.

3. Bagi melancarkan pelaksanaan ini, perisian tersebut telah disediakan di dalam satu *platform* baharu iaitu **SPeCTRUM Exam**, yang boleh diakses melalui pautan <https://spectrumeexam.um.edu.my> dan akan mula digunakan mulai Peperiksaan Akhir Semester 1, Sesi Akademik 2021/2022 oleh pensyarah yang menjalankan penilaian sumatif (*summative assessments*) dan memerlukan *invigilator*. Platform ini di bawah pemantauan Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan (SPP), Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC).

4. Tambahan pula, pihak ADeC telah memuatnaik video kursus dalam talian tentang cara penggunaan perisian ***Respondus Proctoring Tool*** dan staf akademik boleh melakukan rujukan sendiri melalui <https://spectrumexam.um.edu.my/course/view.php?id=302>. Selain itu, bagi membantu staf akademik membiasakan diri dan merasa lebih yakin menggunakan perisian ini sewaktu mengendalikan peperiksaan akhir kelak, pihak ADeC telah menyusun jadual Latihan Penggunaan Perisian *Respondus Proctoring Tool* yang melibatkan semua PTj Akademik mulai 3 hingga 24 September 2021 seperti di **Lampiran A**.

5. Sehubungan itu, saya memohon tuan/puan untuk memaklumkan kepada semua staf akademik di PTj masing-masing dan menggalakkan mereka mengikuti sesi latihan berkenaan. Memandangkan penggunaan perisian ini adalah menerusi platform khusus yang dinyatakan di atas, maka staf akademik mempunyai fleksibiliti untuk mereka bentuk penilaian sumatif yang sesuai dengan kursus masing-masing dan ADeC telah menyediakan cadangan penilaian alternatif disamping galakan terus menjalankan penilaian alternatif (*alternative assessment*) bagi kursus masing-masing tersebut seperti yang terkandung di dalam *Online Teaching & Learning Handbook*.

6. Sebarang pertanyaan mengenai perisian *Respondus Proctoring Tool* boleh diajukan kepada **Dr. Mohd Yazed Ahmad**, Ketua Unit e-Learning ADeC, melalui talian +6012-387 2864 atau emel myaz@um.edu.my dan disalinkan kepada adec@um.edu.my atau merujuk kepada *coordinator e-Learning* wakil PTj akademik masing-masing. Bersama-sama ini juga dilampirkan poster yang boleh digunakan untuk tujuan hebahan di kalangan pelajar masing-masing untuk pemahaman bersama dan meningkatkan kesedaran mereka akan pelaksanaan ini.

Segala perhatian yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROFESOR DR. KAMILA GHAZALI

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

s.k: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Pengarah, Pusat Pentadbiran & Perkhidmatan Akademik (AASC)
Pengarah, Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC)
Pengarah, Pusat Perancangan Strategik Akademik (ASP Centre)
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat